

# 40 pegawai UMSKAL hadiri Bengkel Standard Operating Procedure

NST 20.7.2013

LABUAN: Seramai 40 pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menyertai Bengkel Standard Operating Procedure (SOP) yang diadakan di Student Learning Centre (SLC), Bangunan Menara UMSKAL, pada Rabu.

Program dua hari pada Selasa dan Rabu itu telah dihadiri Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik selaku ahli panel bengkel.

Tiga ahli panel lain ialah Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah dan Penolong Bendahari Kanan, Mohd Nazir Ab Manan.

Dr Murnizam berkata bengkel tersebut bertujuan untuk memperkemas proses kerja agar lebih efisien, mengambil langkah dan tindakan segera untuk manfaat pelanggan utama universiti iaitu pelajar.

Katanya, pihak pengurusan mahu meningkatkan kecekapan proses kerja agar lebih baik dengan menambah baik SOP sedia ada dengan SOP yang baharu.

"Wakil setiap sektor membentangkan SOP yang ada hubungkait dengan semua sektor supaya dapat ditangani dan dipercepatkan. Kita mahu menambahbaik proses kerja sedia ada,"katanya.

Pada masa sama, bengkel SOP itu untuk mengelakkan pertindihan fungsi serta perseediaan Smart Campus 4.0.

Dr Murnizam menambah bengkel SOP untuk memudahkan pengurusan pentadbiran dalam menangani permasalahan yang dihadapi

pelajar, kakitangan, pensyarah, orang awam dan kontraktor yang menjadi pelanggan universiti.

SOP adalah dokumen yang berkaitan dengan prosedur yang dilakukan secara kronologis untuk menyelesaikan suatu pekerjaan yang bertujuan untuk memperoleh hasil kerja yang paling efektif daripada para pekerja dengan peruntukan yang serendah-rendahnya.

Ianya juga dikatakan sebagai panduan untuk melakukan pekerjaan sesuai dengan fungsi dan penilaian berdasarkan tata kerja, sistem kerja dan prosedur kerja pada unit kerja yang berkaitan.

Secara umum tujuan dari SOP adalah agar pegawai menjaga konsistensi, mengetahui dengan jelas peranan dan fungsi tiap-tiap pegawai dalam organisasi, memperjelas aliran tugas dan tanggungjawab pegawai berkaitan, melindungi organisasi dan pegawai daripada melakukan kesalahan pentadbiran dan menghindari kegagalan atau kesalahan dan keraguan.

SOP yang baik akan menjadi panduan bagi pelaksana, menjadi alat komunikasi dan pengawasan dan menjadikan pekerjaan diselesaikan secara konsisten.

Pada hari pertama diadakan pembentangan Sektor Pembangunan dan Penyelenggaraan serta Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia.

Pada sebelah petang, Seksyen Keselamatan dan Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi meneruskan pembentangan.

Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Sektor Keuangan membentangkan SOP masing-masing pada hari kedua bengkel tersebut. -OLEH JAINUDIN DJIMIN



PESERTA .... Dr Murnizam (duduk empat kanan), Zamri (duduk tiga kiri) dan Md Nazir (duduk tiga kanan) bersama peserta Bengkel SOP UMSKAL.